

AI-KAFILI AL-FATAWI

AL-KAFI #282 : TAKLIF DAN SOLAT SESEORANG YANG BERMASALAH PENDENGARAN

Ditulis oleh Umar Mukhtar Mohd Noor
Diterbitkan: 01 Jun 2016



SOALAN:

Assalamualaikum wbt.

Ss Dato Dr, Saya ada soalan berkaitan orang mempunyai masalah pendengaran. 1) org yg ad masalah pendengaran sejak lahir (bukan xdgr langsung), dia tidak dpt membaca alquran dgn baik sbb ad sesetengah bunyi yg dia tidak dpt dengar. Jd dia tidak dapat baca dgn betul spt surah alfatihah. Jd ap hukumnya dlm hal ini? Mksdnya bagaimana status solatnya (bacaan dlm solat)? 2) sampai tahap mana dia kena berusaha? Kewajipan individu tersebut? 3) bagaimana pula dgn tanggungjawab ibubapa dlm menyediakan keperluan utk anak yg bermasalah pendengaran? 4) mohon cdngn buku atau mana2 sumber yg boleh saya rujuk. 5) mohon jgk nas alquran dan hadis yg berkaitan bg masalah ini. Jzkk.

JAWAPAN:

Walaikumussalam wbt,

- 1- Dia cukup membaca apa yang dia mampu dengar dan boleh belajar. Solatnya sah.
- 2- Kewajipan dia berdasarkan kemampuan dia. Jika dia menghadapi kesukaran yang dia tidak mampu, maka dia mendapat keringanan atau rukhsah. Contohnya, orang yang bersolat wajib membaca rukun qauli dengan kadar suara yang didengar olehnya. Pengecualian bagi hukum ini ialah orang yang tidak memiliki pendengaran yang sihat, seperti pekak. Maka dia tidak wajib mendengar suaranya sendiri ketika solat. Rujuk *I'arah al-Talibin* (1/157).
- 3- Tanggungjawab mereka ialah menyediakan semampu mungkin pendidikan khususnya fardu ain, seperti menghantarnya ke sekolah Orang Kelainan Upaya (OKU) dan menunjukkan contoh yang baik. Juga jika berkemampuan, dapatkan alat bantuan pendengaran.
- 4- Kami cadangkan penanya berhubung dengan Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA) di <http://www.mydeafmuslim.org/> untuk bahan-bahan khusus.
- 5- Berkenaan kewajipan melakukan ketaatan berdasarkan kemampuan, Allah berfirman:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِشْرًا وَلَا مَلْحًا

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

Surah al-Baqarah (2:286)

Firman Allah:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran

Surah al-Baqarah (2:185)

Firman-Nya lagi:

لَا يَجْعَلُ اللَّهُ سَعْيَكُم مِّنْ عَمَلِكُمْ مَّغْرُورًا

DARI MEJA MUFTI

Dari Meja
MUFTI



Anda boleh melayari Laman Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan versi mudah alih menerusi telefon pintar dengan mengimbas QR Code ini.



Waktu Solat

Subuh	06:03
Syuruk	07:17
Zohor	13:24
Asar	16:31
Maghrib	19:26
Isyak	20:35

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

AKTIVITI WILAYAH PERSEKUTUAN

Kuala Lumpur

AKTIVITI WILAYAH PERSEKUTUAN

Labuan

وما حمل حنينم في سبيهم من حرج

Maksudnya: *Dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara ugama.*

(Surah al-Hajj, 22:78)

Firman Allah SWT:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: *Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu.*

(Surah al-Taghabun, 64:16)

Sabda Rasulullah SAW:

فَلَمَّا أَمَرْتُكُمْ بِشَيْءٍ فَخُدُّوا وَهُوَ مَا اسْتَطَعْتُمْ، وَإِنِّي نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاتَّقُوا

Maksudnya: *Maka jika aku menyuruh kalian dengan sesuatu maka berpeganglah dengannya semampu kamu, dan jika aku larang kalian daripada suatu maka tinggalkanlah.*

Hadis sahih riwayat Imam Ibn Majah (2)

Daripada Imran bin Hussein RA: Aku dahulu terkena buasir, lalu aku bertanyakan Rasulullah SAW tentang solatku, Baginda SAW bersabda:

سَلِّ قَائِمًا، فَإِن لَّمْ تَسْتَطِعْ فَمُجَاعًا، فَإِن لَّمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Maksudnya: *Solatlah kamu secara berdiri, jika kamu tidak mampu, maka solatlah secara duduk. Jika tidak mampu (juga) maka solatlah di atas lambung (yakni baring mengiring).*

Riwayat Imam al-Bukhari (1117) dalam *Sahih*-nya

Wallahua'lam.

Imej diperoleh dari *Clipart FIndex*

VISITORS HIT

3653526 Views

<http://muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/1163-al-kafi-282-taklif-dan-solat-seseorang-yang-bermasalah-pendengaran>